



UNIVERSITI MALAYSIA SABAH merupakan sebuah Universiti Awam di Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

1.0 BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------|--|
| 1.1 | Jawatan | : Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) |
| 1.2 | Gred | : Gred Utama B (VU6) |
| 1.3 | Tangga Gaji | : RM7,676.00 hingga RM20,592.00 |
| 1.4 | Taraf Lantikan | : Tukar Sementara/Pinjaman/Kontrak |
| 1.5 | Tempoh Lantikan | : Tiga (3) tahun (tertakluk kepada keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia) |
| 1.6 | Kelayakan | : Sekurang-kurangnya telah memegang jawatan Profesor dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) |

2.0 KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria pemilihan adalah berdasarkan Garis Panduan dan Kriteria Pemilihan Timbalan Naib Canselor Universiti Awam seperti berikut:

- | | | |
|-----|---------------|---|
| 2.1 | Kriteria Umum | : <ul style="list-style-type: none">a) Kecemerlangan Akademik;
Mempunyai kelayakan PhD, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan kecemerlangan dalam khidmat profesional.b) Pengiktirafan Antarabangsa;
Mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.c) Kebolehan Memimpin dan Mengurus;
Mempunyai <i>people skills</i> yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Mempunyai kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap serta mempunyai pengalaman dan rekod cemerlang dalam pimpinan akademik. |
|-----|---------------|---|

- d) **Reputasi;**
Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.
- e) **Personaliti;**
Seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- f) **Proaktif;**
Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
- g) **Perwatakan;**
Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
- h) **Pengurusan Konflik;**
Berkeupayaan mengenal pasti konflik dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.
- i) **Potensi;**
Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhan.

2.2 Kriteria Khusus

- : a) **Pengalaman membida Projek Penyelidikan dengan jaya;**
Ini merupakan tugas hakiki TNC (P&I). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (PI) tetapi juga menjadi peneraju UA masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.
- b) **Mahir mensistesis instrument komitmen penyelidikan (*RU Instrument*);**
KPI utama TNC (P&I) adalah meneraju penyelidikan UA masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat Institut, *Centre of Excellence* (COE) atau Fakulti.

- c) **Mempunyai jaringan hubungan yang luas;**
Calon mestilah mempunyai jaringan perhubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta, calon juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersilkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.
- d) **Berkemampuan dalam menguruskan aktiviti berkaitan harta intelek;**
Calon mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta ontelek dan latihan yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersilan.
- e) **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersilan;**
Calon mestilah mempunyai pengalaman yang luas dan pengkomersilan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan seta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok sebaya/setara.
- f) **Berpengalaman sebagai penyelia yang berjaya;**
Calon mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pascasiswazah (Sarjana dan PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan halatuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* di kalangan ahli akademik dan para penyelidik.
- g) **Adaptasi Teknologi;**
Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa UMS ke arah kejayaan di zaman digital.

3.0 CARA MEMOHON

- 3.1 Calon yang berminat boleh mengemukakan permohonan dengan menyertakan bersama dokumen-dokumen seperti berikut:
 - a) *Curriculum Vitae'(CV)* yang lengkap dan terkini berserta gambar berukuran pasport; dan
 - b) *Key Performance Indicator (KPI)* dan ringkasan mengenai perancangan sekiranya dilantik.

3.2 Sebarang pertanyaan sila hubungi:

- a) Encik Mohd. Raffie Hj. Janau
Ketua Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
No. Tel : 088320000 (samb: 1077)
Emel : raffiej@ums.edu.my

- b) Encik Ismail Ladama
Penolong Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia
Jabatan Pendaftar
No. Tel : 088320000 (samb: 1444)
Emel : mail@ums.edu.my

3.3 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat berikut:

Pendaftar

Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS 88400
Kota Kinabalu
Sabah

3.4 Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga.

3.5 **Tarikh tutup permohonan ialah pada 11 Mac 2019 (Isnin).**